

Anggota NS ditahan kerana mahu jihad militan di luar negara

MHA: Dua lagi dikenakan Perintah Sekatan, seorang anggota JI dibebaskan daripada tahanan ISA

SEORANG anggota Perkhidmatan Negara (NS) sepenuh masa yang terpengaruh oleh idea radikal menerusi Internet dan bercadang menjalankan jihad militan di luar negara, telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Dua lagi warga Singapura, termasuk seorang 'ustaz' yang tidak bertauliah, diletak di bawah Perintah Sekatan (RO) bagi tempoh dua tahun kerana pelibatangannya dalam ancaman ideologi radikal.

Kementerian Ehsan Dalam Negeri (MHA) mendedahkan semalam Muhammad Fadil Abdul Hamid, 20 tahun, ditahan bagi tempoh dua tahun sejak 4 April lalu.

Anggota NS dalam Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) itu giat melungsur Internet bagi mencari maklumat propaganda dan video jihad sejak berada di politeknik.

Fadil tidak menamatkan pengajian

politeknik dan dia begitu terpengaruh oleh fahaman radikal menerusi ceramah-ceramah golongan radikal seperti Anwar al-Awlaki dan Sheikh Feiz Muhammad.

Menurut MHA, Fadil semakin yakin bahawa melaksanakan jihad bersenjata bersama anggota militan lain adalah satu tuntutan agama, dan berusaha mati syahid.

Dia memulakan komunikasi secara dalam talian dengan al-Awlaki sambil melahirkan hasrat berjuang bersama al-Awlaki dan minatnya berkunjung ke tempat-tempat seperti Palestin, Iraq dan Afghanistan bagi menjalankan jihad militan.

Fadil melayari Internet mencari maklumat mengenai cara membuat bom di samping menghasilkan dan memuat turun video yang membesarkan perjuangan syahid dan membela pengeboman nekad.

Dua lagi kes pengaruh radikal

yang didedahkan MHA melibatkan Muhammad Anwar Jailani, 44 tahun, dan Muhammad Thahir Shaik Dawood, 27 tahun.

Mereka dikenakan RO sejak 23 Jun lalu.

Menurut MHA, Anwar seorang guru agama tidak diiktiraf yang telah mengedarkan kepada anak muridnya, kenalan dan orang awam sebila-bila cakerapad (CD) mengandungi rakaman ceramah al-Awlaki.

► Laporan lain 2

Ceramah-ceramah dalam CD itu menyeru orang Islam supaya menjalankan jihad militan ke atas golongan bukan Islam dan musuh Islam.

Anwar telah memohon mendapatkan pengiktirafan di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) tetapi permohonannya ditolak tahun lalu kerana kurang kelayakan agama.

Thahir pula, yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan, adalah anak murid Anwar yang menjadi radikal atas pengaruh gurunya itu.

Thahir telah ke Yaman untuk belajar di sebuah institut pengajian kelo-

laan orang yang mempunyai kaitan dengan Osama bin Laden dan Al-Qaeda.

Dia cuba menghubungi al-Awlaki dan golongan radikal lain untuk menyertai jihad bersenjata tetapi gagal mendapatkan mereka.

Namun, ketika di Yaman dia mula ragu tentang jihad bersenjata dan berpendapat ada cara lebih baik untuk berjihad, seperti melakukan amal-amal yang baik.

MHA turut mengumumkan semalam bahawa seorang anggota Jemaah Islamiyah (JI) yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Ibrahim Mohd Noor, telah dibebaskan pada 1 Jun lalu.

Dia telah menunjukkan perkembangan positif semasa pemulihan dan didapati tidak lagi membawa ancaman keselamatan yang memerlukan penahanan.

Mengenai penahanan Fadil, seorang jurucakap MHA ketika menjawab pertanyaan media menjelaskan bahawa pemuda itu tidak menjalankan atau mempunyai rancangan menjalankan kegiatan berkaitan jihad di sini.

Hasratnya ialah melaksanakan kegiatan-kegiatan itu di luar negara.